

WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.
SALMIAH
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB
CANSELOR
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN
PKS & KEUSAHAWANAN
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

GENO HOTEL

27 NOVEMBER 2024



PROF. TS. DR. SALMIAH KASOLANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Nasi lemak buah bidara,
Buat santapan kekasih hati,
Izinkan saya memulakan bicara,
Titipan nan ikhlas dari sanubari.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM BANK RAKYAT UNIPRENEUR 4.0 pada pagi ini. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga kerja MASMED khususnya dan UiTM amnya, berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tuan Mazlan bin ke Hotel Geno Shah Alam ini. Kehadiran yang sangat bermakna ini merupakan bukti sokongan Bank Rakyat terhadap program yang dilaksanakan oleh MASMED.



Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM BANK RAKYAT UNIPRENEUR 4.0 yang diterajui oleh Pusat Keusahawanan Mahasiswa (PKM) MASMED kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Bank Rakyat, dengan tagline "Bank Pilihan Anda" kerana memberi kepercayaan kepada UiTM melalui MASMED sebagai penganjur program PENUTUPAN PROGRAM BANK RAKYAT UNIPRENEUR 4.0. Tahniah dan syabas saya ucapkan atas sinergi dan komitmen yang diberikan.



Semoga penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai pihak ini diharap mampu memberikan impak besar kepada kesejahteraan usahawan mahasiswa.

BANK RAKYAT UNIPRENEUR 4.0

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman, program BANK RAKYAT UNIPRENEUR ini merupakan program inisiatif khas untuk membantu usahawan siswa asnaf dengan menawarkan bantuan kewangan untuk meningkatkan modal perniagaan. Program ini telah membantu pembangunan kemahiran keusahawanan, keyakinan diri dan berdikari dalam kalangan mahasiswa dan alhamdulillah MASMED telah berjaya melaksanakannya untuk kali yg ke 4.



Kali pertama pelaksanaannya adalah pada tahun 2021. Jika diimbangi statistik sedia ada, BANK RAKYAT UNIPRENEUR 1.0 telah memilih 10 penerima dana, yang kemudiannya meningkat menjadi 11 penerima pada BANK RAKYAT UNIPRENEUR 2.0. Pada BANK RAKYAT UNIPRENEUR 3.0, jumlah penerima dana telah digandakan kepada 30 orang dan untuk edisi keempat ini, Bank Rakyat dengan penuh bermurah hati telah menyediakan dana kepada 45 orang penerima. Alhamdulillah, BANK RAKYAT dan MASMED telah berjaya membawa mahasiswa dalam memperkasakan ekosistem keusahawanan dan kesejahteraan mahasiswa. Dengan menyediakan akses kepada sumber kewangan, bimbingan perniagaan dan latihan kemahiran, inisiatif ini telah membuktikan keberkesanannya dalam memberi sokongan yang diperlukan oleh usahawan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.



Dengan mengadakan kursus dan seminar yang melibatkan pakar industri, usahawan dapat mempelajari selok-belok perniagaan dan strategi pemasaran yang berkesan. Sesungguhnya sinergi sebeginilah yang kita inginkan agar ekosistem keusahawanan terus diperkukuhkan. Sedikit perkongsian mengenai pelaksanaan program Bank Rakyat Unipreneur ini. Bantuan yang ditawarkan adalah berbentuk latihan keusahawanan dan pembiayaan penuh perniagaan sebanyak RM3000.00 bagi setiap peserta. Peserta program perlu menjalani 4 latihan keusahawanan yang mana merangkumi Business Model Canvas yang memberi pendedahan bagaimana mengenalpasti permasalahan, menganalisa pesaing melalui kekuatan dan kelemahan dan mencari potensi rakan kongsi untuk mengembangkan perniagaan mereka.



Brand Establishing juga diketengahkan untuk penjenamaan produk sebelum peserta didedahkan kepada pengenalan kepada platform pemasaran untuk tujuan promosi dan pemasaran yang efektif. Business Pitching, Matching and Funding juga turut dipelajari dalam usaha mengetahui mengadakan pembentangan idea perniagaan yang mampan daripada pakar-pakar. Alhamdulillah, keberkesanan program Bank Rakyat Unipreneur dapat dilihat daripada kejayaan usahawan yang telah mendapatkan bantuan daripada inisiatif ini. Banyak kisah kejayaan telah muncul, di mana usahawan mahasiswa yang dahulunya menghadapi pelbagai cabaran kini telah mampu mengembangkan perniagaan mereka dan mencipta peluang pekerjaan. Ini bukan sahaja menguntungkan usahawan itu sendiri, tetapi juga memberi impak positif kepada ekonomi setempat dan negara secara keseluruhannya.



Kalau dahulu, mereka perlu menguruskan kewangan untuk proses pengajian di Universiti dan pada masa yang sama, memperuntukkan sebahagiannya untuk aktiviti perniagaan. Ada di antaranya juga terpaksa melupakan hasrat untuk terus berniaga, akibat kekangan bantuan pembiayaan dan pendanaan. Namun dengan pendanaan dan latihan yang diberikan, mereka bangkit daripada keperitan tersebut. Perkara ini sejajar dengan salah satu teras dalam visi Malaysia MADANI yang digagaskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur. Di sinilah dimana peranan besar yang dimainkan oleh MASMED dan Bank Rakyat dalam memberikan sinar harapan kepada usahawan mahasiswa ini. Dalam konteks pelaksanaan, adalah penting untuk kita terus memantau dan menilai keberkesanan inisiatif ini.



Umpama lensa, kita perlu sentiasa menfokus kepada keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh usahawan dan membuat penyesuaian yang diperlukan. Kerjasama antara pihak kerajaan, institusi kewangan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) juga adalah kunci untuk memastikan pelaksanaan Bank Rakyat Unipreneur yang seterusnya berjaya dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

HARAPAN DAN KESINAMBUNGAN

Para hadirin sekalian,

Saya berharap, program yang dianjurkan melalui kerjasama erat daripada Bank Rakyat ini, dapat memberi banyak manfaat dan impak

yang mendalam kepada mahasiswa, seterusnya menjadikan ekosistem keusahawanan UTM terus memugar. Dengan sinergi yang kuat antara universiti dan badan kewangan, saya yakin kita dapat melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya saing, kreatif, dan mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara dan masyarakat.

Sebelum saya akhiri ucapan ini, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Tuan Mazlan bin Mohamad yang turut serta memeriahkan majlis ini. Sekalung penghargaan kepada warga kerja Bank Rakyat dan MASMED kerana telah memberikan sokongan dan sumbangan bagi memastikan majlis ini berjalan lancar. Marilah kita bersama-sama berusaha mencapai matlamat kita dan mencipta masa depan yang lebih gemilang untuk keusahawanan di UTM.

Tahniah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua sama ada secara langsung atau tidak langsung



atas inisiatif, usaha gigih dan kerjasama tidak berbelah bahagi dalam memastikan majlis pada hari ini dapat diralisasikan. Semoga Allah SWT membalas kebaikan yang diberi dengan ganjaran nikmat terbaik di dunia dan di akhirat.

**Pohon mangga berbuah lebat,
Akar bersatu memegang tanah.
Kerjasama menjalin ikatan erat,
Bersama kita maju, usahlah
mengalah.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wasalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.

Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



korporatmasmed@uitm.edu.my



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern building facade with a white wall and a dark tiled roof. A large sign on the wall reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in bold, dark blue capital letters. The building has multiple windows and a covered entrance area with white columns.

**KOMPLEKS
USAHAWAN**